

CERAMAH BERSIRI



9 Oktober 2014

"Jadi lah Seperti Air"

oleh

Hjh Rozailah bte Hj Abd Rahman
& Siti Nurulliyana bte Hj Matussin
Pegawai Psikologist



30 Oktober 2014

"National TB Control Strategies"

oleh

Dr Shailesh Divaker Hegde



9 November 2014

Permakanan



20 November 2014

"Kemudahan elaun"

oleh

Haji Zakaria Bin Zainal

Penolong Pentadbir

Jabatan Perkhidmatan Kesihatan

Semua Ceramah akan diadakan pada:

Jam

3.00 petang

Tempat

Pusat CME, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan

(Ara 6, Kondominium Ong Sum Ping)

Semua pegawai dan kakitangan JPK di alu-alukan hadir

DAFTAR UJIAN PAP KEBANGSAAN (NATIONAL PAP TEST REGISTRY)

Peranan Daftar Ujian Pap Kebangsaan:

Daftar Ujian Pap Kebangsaan telah dilancarkan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan pada 5 Februari 2011 bersempena dengan Hari Kanser Sedunia. Ianya adalah merupakan salah satu inisiatif program yang telah diungkuhkan oleh Jabatan ini dalam memperkukuhkan lagi Program 'Kawalan dan Pencegahan Kanser Serviks' yang telah bermula sejak tahun 2009 bagi mencapai hasrat serta tujuan utama program berkenaan iaitu untuk mengurangkan jumlah kanser serviks di Negara Brunei Darussalam.

Daftar tersebut adalah merupakan sebuah pangkalan data (*database*) yang berpusat di Kementerian Kesihatan yang mana ianya mempunyai rekod lengkap mengenai Ujian pap dan lain-lain ujian yang berkaitan bagi wanita yang termasuk dalam kumpulan sasaran bagi penyaringan kanser serviks. Penyaringan kanser serviks melalui ujian 'Ujian pap' dilakukan secara rutin setiap 3 tahun di pusat-pusat atau klinik-klinik kesihatan dan ianya boleh menyelamatkan nyawa kerana perubahan sel yang tidak normal boleh dikesan pada tahap awal dan rawatan segera boleh diberikan bagi mencegah kanser serviks. Kumpulan sasaran yang dimaksudkan adalah terdiri daripada semua wanita rakyat dan penduduk tetap di Negara Brunei Darussalam yang berumur di antara 20 hingga 65 tahun.

Program Daftar Ujian pap Kebangsaan ini berfungsi melalui sistem kaedah panggilan dan peringatan (*call-recall*) Ujian pap yang teratur. Surat makluman (panggilan/call) mengenai program Daftar Ujian pap Kebangsaan dikeluarkan dan dihantar kepada semua wanita dalam kumpulan sasaran berkenaan secara berperingkat bermula pada 5 Februari 2012. Manakala, surat makluman juga akan dikeluarkan dan dihantar sebagai susulan atau peringatan (*recall*) bagi mengingatkan wanita berkenaan yang belum mendapatkan pemeriksaan Ujian pap yang rutin atau untuk mendapatkan pemeriksaan ulangan terutama sekali bagi keputusan Ujian pap yang tidak normal.

Sidang Editorial

Penasihat

Pg Dr Hj Md Khalifah Pg Hj Ismail (khalifah.ismail@moh.gov.bn)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan

Ketua Editor

Dr Haji Azlan Haji Jaludin (azlan.jaludin@moh.gov.bn)
Ketua Unit Kualiti, Dasar, Penyelidikan dan Perkembangan

Kumpulan Editor

Hajah Dayang Jamilah Hj Awang Sulaiman (jamilah.sulaiman@moh.gov.bn)
Pegawai Jururawat Kesihatan

Awang Mohd Rahmat Awang Abdul Hamid (rahmat.hamid@moh.gov.bn)
Pegawai Perangkaan

Hajah Nuriah Hj Shari (nuriah.shari@moh.gov.bn)
Pegawai Tugas-tugas Khas Tingkat II

Md Hafiz Hj Ibrahim (hafiz.ibrahim@moh.gov.bn)
Atendan Kesihatan

Sumber

Perkhidmatan Sainifik
Perkhidmatan Kesihatan Masyarakat
Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar

Antara Kandungan akan datang

Edisi Khas Membenters Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit

Aktiviti-Aktiviti JPK

Forum Rakan-Rakan Penyusuan Ibu Se Asia Ke-10,
Negara Brunei Darussalam
27 hingga 29 Octorber 2014

Hubungi Kami

Unit Kualiti, Dasar, Penyelidikan dan Perkembangan
Pejabat Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan

Tel
2381640 Sambungan 6161

Fax
2382032

Emel
health.quality@moh.gov.bn



Buletin Jabatan Perkhidmatan Kesihatan - Terbitan Kedua

OKTOBER - NOVEMBER 2014

'Wahai anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah pada tiap-tiap kali kamu ke masjid (atau mengerjakan solat) dan makanlah serta minumlah dan jangan pula kamu melampaui batas. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang melampaui batas.'

- Surah Al-A'raf, ayat 31 -

Saranan Yang Berhormat Menteri Kesihatan

'... saya ingin menyarankan kepada semua peringkat pegawai dan kakitangan Kementerian ini bukan sahaja yang terlibat dalam aspek pengurusan akan tetapi juga dari bidang-bidang klinikal, profesional, teknikal dan lojistik untuk mengamalkan Rukun Akhlak dan Etika Kerja yang murni lagi terpuji untuk dijadikan sebagai landasan bagi kesinambungan hasrat Kementerian ini untuk meningkatkan kualiti dan efisiensi Kementerian Kesihatan yang lebih cemerlang. Setentunya kejayaan kita dalam pencapaian visi Kementerian Kesihatan tidak akan dapat dihasilkan tanpa komitmen, dedikasi, dan kerjasama padu secara berpasukan dari semua kalangan warga Kementerian Kesihatan, apatah lagi dengan kita bersama-sama sentiasa mewujudkan suasana kerja yang inovatif dan dinamik yang perlu diterokai dan dimantapkan dari semasa ke semasa.'

Petikan dari Teks Ucapan

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA AWANG HAJI MOHD YUSOF, MENTERI KESIHATAN

Pada Majlis Penyampaian Sijil Persaraan Dan Cenderahati Kepada Pegawai Dan Kakitangan Kementerian Kesihatan Yang Bersara Tahun 2013, Penerima Anugerah Pekerja Cemerlang 2013, Dan Kumpulan Kerja Cemerlang 2013
Pada 15 Jamadilakhir 1435 Bersamaan 15 April 2014 Di Dewan Al'afiah Kementerian Kesihatan



Visi


Kementerian Kesihatan
Bersama Ke Arah Warga Sihat

ISU KALI INI

- Petikan Ucapan Yang Berhormat Menteri Kesihatan
- Organisasi & Fungsi Perkhidmatan Kejururawatan Kesihatan Masyarakat
- Kepentingan mengambil "Flu Vaksin"
- Fungsi Jabatan Perkhidmatan Sainifik
- Peranan Daftar Ujian Pap Kebangsaan

Organisasi & Fungsi Perkhidmatan Kejururawatan Kesihatan Masyarakat

CARTA ORGANISASI KEJURURAWATAN KESIHATAN MASYARAKAT



VISI

Perkhidmatan Kesihatan Masyarakat yang berkualiti dan beretika bagi mencapai tahap kesihatan kebangsaan yang cemerlang.

MISI

Mempertingkatkan kesihatan dan kesejahteraan masyarakat menerusi kemahiran penjagaan kesihatan yang bermutu tinggi, efektif, efisien, dedikasi, memaduli, jujur serta setia.

MATLAMAT

- Memberikan perkhidmatan kesihatan yang komprehensif dan berkualiti tinggi kepada klien bagi mencapai tahap kesihatan yang optima.
- Titi dan lutan dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan serta berkerjasama sama kakitangan dan lien agar dapat menjalankan tugas dengan lebih efektif dan efisien bagi mencapai matlamat TPOR.

Jasa bakti mu dikenang...

Segmen ini akan mengetengahkan Kakitangan yang telah lama berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Kesihatan. Keluaran kali ini, kita mengongsikan pengalaman yang telah di lalui oleh Hajah Masni Binti Haji Jais, Jururawat Kanan Kesihatan Masyarakat. Beliau mula bertugas pada 2 Jun 1976 dan telah berkhidmat selama 38 tahun sebagai Jururawat Kesihatan Masyarakat. Beliau telah bertugas di beberapa buah Klinik Kesihatan termasuk Klinik Kesihatan Bergerak di Daerah Tutong & Daerah Temburong. Pada masa ini beliau memegang jawatan sebagai Jururawat Kanan Kesihatan Masyarakat (SCHN) - "in-Caj" Klinik Kesihatan Sungai Besar.

Kenangan beliau yang paling manis ialah semasa berkhidmat di Klinik Kesihatan Ulu Tutong dan Ulu Temburong – beliau merasakan penduduk di sana memerlukan perhatian kerana tidak terdapat kemudahan perhubungan pada masa itu. Kenangan yang tidak dapat di lupakannya adalah semasa beliau membuat "Community Survey" di Kampung Sukang, Ulu Belait.

Semua rakan sejawat sama ada masih bertugas, sudah berpencen dan yang telah kembali ke Rahmatullah adalah sentiasa dalam kenangannya. Kata kata nasihat beliau kepada Jururawat Jururawat terutama yang bertugas di bahagian Klinik Kesihatan – "berkhidmat lah dengan Ikhlas lagi jujur demi meningkatkan Kesihatan Rakyat".

Kepentingan mengambil "Flu Vaksin"

- Flu vaksin diberi untuk mencegah jangkitan influenza yang boleh menyebabkan komplikasi seperti radang paru-paru, radang jantung dan maut.
- Seseorang yang telah menerima suntikan vaksin Flu hanya akan mengeluarkan antibodi untuk melawan jangkitan Influenza (khusus kepada antigen terkandung dalam Vaksin) selepas 2 minggu menerima vaksin.

Siapa yang Patut menerima vaksin Flu?

- Kanak-kanak berumur 6 bulan ke 23 bulan
- Ibu yang mengandung
- Orang dewasa yang berumur 60 tahun ke atas
- Pekerja Kesihatan
- Pesakit yang mempunyai penyakit kronik seperti asma, penyakit jantung, Diabetis, kanser, anemia atau buah pinggang
- Sesiapa sahaja yang ingin mendapat perlindungan daripada jangkitan virus influenza

Berapa dos yang di perlukan:

- Kanak-kanak berumur 6 bulan ke 23 bulan – 2 dos (Dos kedua sebulan selepas dos pertama) dan kemudian nya satu dos setiap tahun.
- Dewasa – satu dos setiap tahun.

Kesan Sampingan selepas menerima vaksin Flu?

Suntikkan Vaksin flu boleh menyebabkan kesan sampingan yang ringan dan akan sembuh dalam beberapa hari.

Tanda-tanda ringan adalah seperti berikut:

- Sakit, merah dan bengkak pada kawasan yang menerima suntikan tersebut
- Demam
- Sakit badan

Siapa yang tidak dapat menerima vaksin flu?

- Orang yang mempunyai sejarah alahan kepada telur
- Kanak-kanak yang berumur di bawah 6 bulan
- Orang yang mempunyai alahan terhadap vaksin flu sebelumnya

Fungsi Jabatan Perkhidmatan Saintifik: JABATAN PERKHIDMATAN SAINTIFIK KEMENTERIAN KESIHATAN



MAKMAL ALAM SEKITAR

Menganalisa sampel yang berkaitan dengan persekitaran, bekalan air masyarakat dan bekalan air dialisis untuk kualiti dan pencemaran.

MAKMAL PARASITOLOGI

Menganalisa sampel darah pada slaid untuk jangkitan yang berkepentingan Kesihatan Awam khususnya dalam memantau malaria dan filariasis.

MAKMAL VIRAL SEROLOGI (HIV)

Menganalisa sampel darah untuk ujian HIV bagi pekerja asing.

UNIT KUALITI DAN KESELAMATAN RADIASI

Mengawal dan memantau sumber radiasi dan pengendalinya, memberikan nasihat dan menjalankan siasatan ke atas kes-kes radiasi dan pencemarannya.

BAHAGIAN FORENSIK SAINS



PENGENALAN

Jabatan Perkhidmatan Saintifik adalah sebuah jabatan di bawah Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Kementerian Kesihatan. Jabatan ini berperanan bagi menyediakan perkhidmatan saintifik yang bertaraf tinggi dan komprehensif melalui penganalisaan makmal kepada pihak kesihatan awam dan agensi penguatkuasaan undang-undang di Negara Brunei Darussalam. Jabatan memberikan perkhidmatan analitikal saintifik dalam bidang sains forensik dan sains kesihatan awam yang diperlukan sejajar dengan perkembangan semasa.

"STRUKTUR ORGANISASI" PERKHIDMATAN KAMI

Jabatan ini mempunyai dua (2) Bahagian utama iaitu Bahagian Sains Kesihatan dan Bahagian Sains Forensik .

BAHAGIAN SAINS KESIHATAN



Bahagian Sains Kesihatan mempunyai lima (5) buah makmal dan satu (1) unit iaitu Makmal Keselamatan Makanan, Makmal Mikrobiologi, Makmal Alam Sekitar, Makmal Parasitologi, Makmal Viral Serologi dan Unit Kualiti dan Keselamatan Radiasi.

MAKMAL KESELAMATAN MAKANAN

Menganalisa contoh produk makanan proses yang dijual di Negara ini bagi kandungan bahan aditif, bahan logam, bahan pencemar dan seumpamanya dalam memastikan produk-produk tersebut selamat dan berkualiti. Ujian bagi membantu kehalalan dalam makanan dan produk pengguna juga dijalankan di makmal ini.

MAKMAL MIKROBIOLOGI

Menganalisa contoh produk makanan dan contoh air dan swab permukaan untuk kandungan mikroba dan patogen, dan juga menyediakan perkhidmatan pemeriksaan najis untuk para pengendali/penjaja makanan.

Bahagian Sains Forensik mempunyai lima (5) buah makmal iaitu Makmal Narkotik, Makmal Toksikologi, Makmal Forensik Biologi/DNA, Makmal Pemeriksaan Dokumen dan Makmal Kriminalistik.

MAKMAL NARKOTIK

Menganalisa barang-barang kes yang dirampas untuk penganalisaan bahan dadah dan racun terkawal.

MAKMAL TOKSIKOLOGI

Menganalisa sampel biologi untuk penganalisaan dadah terkawal, ubat-ubatan, alkohol, racun dan bahan kimia dalam kes-kes yang disyaki terlebih dos, bunuh diri, keracunan, kemalangan jalan raya dan lain-lain.

MAKMAL FORENSIK BIOLOGI / DNA

Menganalisa bukti, menghubungkan suspek, mangsa dan tempat kejadian, dan menyediakan ujian paterniti, melalui perkhidmatan DNA profil.

MAKMAL PEMERIKSAAN DOKUMEN

Memeriksa dokumen yang dipersoalkan untuk bukti penipuan / pemalsuan dan menentukan sumber-sumber bagi kedua-dua kes jenayah dan sivil.

MAKMAL KRIMINALISTIK

Menganalisa accelerants, mengenal pasti bahan-bahan kimia yang berkaitan yang diambil dari tempat kejadian kebakaran, untuk membina semula dan mengenal pasti pembakaran dan mengkaji bukti fizikal yang diambil dari tempat kejadian jenayah.